

## **BAB 1 : PENGENALAN KEPADA EKONOMI**

### **1.1 PENGERTIAN EKONOMI**

#### **Apa itu ekonomi?**

- sains sosial yang mengkaji usaha-usaha manusia mengagihkan sumber ekonomi yang terhad untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan demi memenuhi kehendak manusia yang tidak terhad
- dua faktor penting yang menyebabkan masalah ekonomi berlaku iaitu :-
  - (i) kehendak individu yang tidak terhad
  - (ii) sumber ekonomi/faktor-faktor pengeluaran(fff) yang terhad

#### **Kehendak Individu**

- keinginan seseorang untuk mendapatkan sesuatu barang atau perkhidmatan
- tidak semua kehendak dapat dipenuhi
- individu terpaksa membuat pilihan

#### **Sumber-sumber Ekonomi**

- iaitu sumber-sumber untuk menghasilkan b+p utk. memenuhi kehendak individu
  - sumber ekonomi terhad maka tidak dapat digunakan utk. memenuhi semua kehendak individu
  - terdapat **empat** sumber ekonomi/fff iaitu :-
- (i) **Buruh**
    - tenaga manusia sama ada secara fizikal atau mental yg. digunakan dalam proses pengeluaran
    - terdapat dua jenis buruh iaitu :
      - (a) mahir - pekerja yg. terlatih dan mempunyai pendidikan dalam bidang tertentu spt. jurutera, akauntan, perubatan dll
      - (b) tak mahir - pekerja yang tidak terlatih dan tidak mempunyai pendidikan/kemahiran dalam bidang tertentu spt. buruh di bidang perladangan dan pembinaan
    - menerima ganjaran upah
  - (ii) **Tanah**
    - sumber semula jadi yang digunakan utk. menghasilkan b+p  
Contoh : lautan, kayu-kayan
    - penawarannya terhad
    - menerima ganjaran sewa
  - (iii) **Modal**
    - alat-alat/mesin/input produktif yang digunakan dalam proses pengeluaran seperti jentera, komputer, pengangkutan dll
    - menerima ganjaran faedah
  - (iv) **Usahawan**
    - individu yang menggabungkan sumber ekonomi/fff utk. hasilkan output
    - ia merancang, mengurus dan mengambil risiko dlm proses pengeluaran
    - menerima ganjaran untung

## Masalah Ekonomi

Konsep Unit eko.	Kekurangan	Pilihan	Kos lepas
Isi rumah	Pendapatan	Pilih b+p yang terbaik. Berdasarkan utk mencapai kepuasan yang maksimum	B+p yang kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan
Firma	Faktor-faktor pengeluaran spt buruh, tanah, modal	Pilih keluaran/output yang terbaik. Berdasarkan utk. mencapai keuntungan yg. maksimum	Keluaran/output yang kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan
Kerajaan	sumber hasil /pendapatan negara	Pilih projek pembangunan yang terbaik. Berdasarkan utk memberi kebajikan yang maksimum kpd rakyat	projek pembangunan yang kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan

## Jenis barang

Jenis barang Ciri-ciri	Barang Percuma	Barang Awam	Barang Ekonomi
Disediakan/Pengeluar	Wujud secara semulajadi/anugerah Allah	Oleh kerajaan	Oleh pihak swasta
Penawaran	Tidak terhad	Terhad	Terhad
Pembayaran	Tidak perlu dibayar	Tidak perlu dibayar/dikenakan sedikit bayaran	Perlu dibayar
Kos lepas	Tiada kos lepas	Wujud kos lepas	Wujud kos lepas
Penggunaan	Bebas digunakan oleh ssesiapa sahaja/Tiada halangan	Bebas digunakan oleh ssesiapa sahaja/Tiada halangan	Hanya digunakan oleh golongan yang mampu membayarnya sahaja
Contoh	air laut, udara, cahaya matahari	lampu jalan, balai polis, telefon awam	rumah, baju, komputer, buku

## **1.2 Masalah Asas Ekonomi**

### **Apa yang hendak dikeluarkan?**

- menentukan jenis b+p yang hendak dikeluarkan
- bergantung kepada keperluan dan kehendak masyarakat/pengguna

### **Berapa yang hendak dikeluarkan?**

- menentukan jumlah/kuantiti b+p yang hendak dikeluarkan
- bergantung kepada permintaan masyarakat/mekanisme harga


### **Bagaimana yang hendak dikeluarkan?**

- menentukan kaedah pengeluaran yang paling cekap
- sama ada intensif buruh atau intensif modal
- pilih yang dapat meminimumkan kos dan memaksimumkan keuntungan

### **Untuk siapa dikeluarkan?**

- bergantung kepada corak agihan pendapatan/kuasa beli
- golongan kaya akan memperoleh lebih banyak barang daripada golongan miskin

## **1.3 Sistem Ekonomi dan Penyelesaian Masalah Asas Ekonomi**



### **fakta tambahan**

Cara campur tangan kerajaan dalam sistem ekonomi campuran ialah :

- ☺ menggubal undang-undang
- ☺ mengenakan cukai
- ☺ memberi subsidi
- ☺ menyediakan barang awam
- ☺ mengawal harga
- ☺ melaksanakan dasar-dasar kerajaan

### PERBEZAAN ANTARA SISTEM-SISTEM EKONOMI

	<b>SISTEM EKONOMI PERANCANGAN PUSAT</b>	<b>SISTEM EKONOMI KAPITALIS</b>	<b>SISTEM EKONOMI CAMPURAN</b>	<b>SISTEM EKONOMI ISLAM</b>
<b>PEMILIKAN SUMBER</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Milik penuh kerajaan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Individu dan firma bebas memiliki sumber</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Individu dan firma bebas memiliki sumber dan kerajaan memiliki barang awam</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sumber hak mutlak Allah s.w.t</li> <li>manusia adalah pemegang amanah</li> <li>individu dan firma bebas mencari kekayaan selaras dengan hukum syarak/Islam</li> <li>sumber digunakan dengan cekap/tanpa pembaziran</li> </ul>
<b>PEMBUAT KEPUTUSAN</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Keputusan ekonomi dibuat oleh kerajaan/badan perancangan pusat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Individu dan firma bebas membuat keputusan menerusi mekanisme harga</li> <li>Kerajaan tidak mempunyai kuasa/peranan dalam membuat keputusan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Individu dan firma bebas membuat keputusan menerusi mekanisme harga dan barang awam akan dikeluarkan oleh kerajaan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mestilah ditentukan berdasarkan prinsip/hukum Islam</li> <li>Pengguna bebas memiliki barang</li> <li>Pengeluar bebas bersaing untuk mengeluarkan barang</li> <li>Kerajaan memastikan kesejahteraan rakyat terjamin</li> </ul>
<b>PILIHAN</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Hanya kerajaan yang menentukan pilihan barang berdasarkan kepada kebijakan serta keadilan sosial</li> <li>Individu dan firma tiada hak untuk membuat pilihan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Individu dan firma bebas membuat pilihan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Individu dan firma bebas untuk memilih b+p dan kerajaan mengawal kebebasan melalui undang-undang/peraturan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Individu dan firma bebas membuat pilihan tetapi mestilah tidak bercanggah dengan hukum syarak/mestilah yang halal</li> </ul>
<b>PENENTUAN HARGA</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Harga stabil kerana ia ditentukan oleh kerajaan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Harga ditentukan oleh mekanisme harga iaitu interaksi antara permintaan dan penawaran</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Harga ditentukan oleh mekanisme harga iaitu interaksi antara permintaan dan penawaran</li> <li>Kerajaan campur tangan melalui cukai/subsidi/kerajaan tentukan barang awam</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Harga ditentukan oleh mekanisme harga iaitu interaksi antara permintaan dan penawaran</li> <li>Jika berlaku ketidakadilan kerajaan akan campur tangan</li> </ul>
<b>PERSAINGAN</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tidak wujud persaingan antara pengeluar</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Wujud persaingan yang kuat antara firma / firma bebas bersaing</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Firma swasta bebas bersaing dan kerajaan memastikan wujudnya persaingan yang adil/tiada persaingan utk. barang awam</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Persaingan yang sihat digalakkan tetapi mesti adil dan tidak berlaku penindasan</li> </ul>
<b>MOTIF PENGETAHUAN</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tiada motif keuntungan tetapi untuk kebijakan dan kemakmuran rakyat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Motif pengguna memaksimumkan kepuasan</li> <li>Motif firma memaksimumkan keuntungan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Motif pengguna memaksimumkan kepuasan</li> <li>Motif firma memaksimumkan keuntungan</li> <li>Motif kerajaan untuk memberi kebijakan maksimum kepada rakyat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tidak mementingkan keuntungan semata-mata</li> <li>Lebih pentingkan konsep ibadat dan kebijakan masyarakat</li> <li>Matlamat untuk mencapai kebahagian di dunia dan akhirat</li> <li>barang dikeluarkan berkualiti/ halal/ beri faedah kepada masyarakat</li> </ul>
<b>CONTOH</b>	China, Cuba, Korea Utara	A.Syarikat, Hong Kong, Switzerland	Malaysia, Thailand, Indonesia	Arab Saudi

**PERBANDINGAN ANTARA SISTEM-SISTEM EKONOMI DALAM  
MENYELESAIKAN MASALAH ASAS EKONOMI**

	<b>SISTEM EKONOMI PERANCANGAN PUSAT</b>	<b>SISTEM EKONOMI KAPITALIS</b>	<b>SISTEM EKONOMI CAMPURAN</b>	<b>SISTEM EKONOMI ISLAM</b>
<b>Apa yang hendak dikeluarkan?</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• ditentukan oleh kerajaan</li> <li>• keluarkan barang keperluan rakyat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• melalui mekanisme pasaran</li> <li>• bergantung kepada permintaan masyarakat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• melalui mekanisme pasaran</li> <li>• barang yang tidak dikeluarkan oleh pihak swasta akan dikeluarkan oleh kerajaan spt. barang awam</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• melalui mekanisme harga/DD masyarakat</li> <li>• tetapi tertakluk kepada akidah, syariat dan akhlak Islam</li> <li>• kerajaan akan keluarkan barang yg. tak dikeluarkan oleh pihak swasta utk kebajikan rakyat</li> </ul>
<b>Berapa hendak dikeluarkan?</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• ditentukan oleh kerajaan</li> <li>• ia berdasarkan keperluan masyarakat dan kemampuan pengeluaran ekonomi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• melalui mekanisme harga</li> <li>• b+p yang hendak dikeluarkan ditentukan oleh jumlah permintaan dan penawaran di pasaran</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• melalui mekanisme harga</li> <li>• kerajaan turut keluarkan barang yang tidak dikeluarkan oleh pihak swasta /barang yang diperlukan oleh rakyat tapi tidak dikeluarkan oleh pihak swasta</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• melalui mekanisme harga/kuasa permintaan dan penawaran</li> <li>• jika tidak mencukupi, pengeluaran perlu ditambah untuk elak menyorok dan menyeludup barang</li> <li>• kerajaan campurtangan jika berlaku ketidakadilan dalam ekonomi</li> </ul>
<b>Bagaimana hendak dikeluarkan?</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• ditentukan oleh kerajaan</li> <li>• pilih cara pengeluaran yang dapat memaksimumkan kebijakan masyarakat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pilih teknik pengeluaran yang dapat memaksimumkan keuntungan/memminimumkan kos/teknik pengeluaran yang cekap</li> <li>• sama ada secara intensif buruh atau intensif modal</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Firma akan pilih kaedah pengeluaran yang dapat maksimumkan untung dan minimumkan kos tetapi harus mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan. seperti had pencemaran, keselamatan pekerja dan penggunaan teknologi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• melalui mekanisme harga dalam pasaran faktor</li> <li>• pilih teknik yang dapat memaksimumkan keuntungan selaras dengan prinsip-prinsip Islam/ teknik keluaran yg. cekap/minimumkan kos</li> <li>• kerajaan campur tangan untuk menjamin keadilan sosial/keselamatan</li> </ul>
<b>Untuk siapa dikeluarkan?</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• ditentukan oleh kerajaan</li> <li>• barang diagihkan kepada semua individu dalam masyarakat</li> <li>• kerajaan wujudkan sistem catuan, kuota dan kupon untuk mengagihkan barang secara adil dan saksama</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• melalui agihan pendapatan dan kuasa beli</li> <li>• barang dikeluarkan kepada golongan yang sanggup membayarnya sahaja</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• diselesaikan melalui corak pengagihan pendapatan/kuasa beli tetapi kerajaan turut berperanan</li> <li>• kerajaan sediakan barang awam dan barang yang tidak mencukupi di pasaran untuk kepentingan kebajikan sosial</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• diselesaikan melalui corak pengagihan pendapatan/kuasa beli</li> <li>• keadilan/tanggungjawab bersama diutamakan</li> <li>• pembayaran zakat membantu pengagihan pendapatan</li> <li>• golongan miskin dijamin bekalan keperluan yang mencukupi</li> </ul>